

# Tatakelakuan J.R. Simplot Company



Simplot®

# Kandungan

<b>Pesanan daripada Presiden dan CEO .....</b>	<b>3</b>
<b>Tatakelakuan J.R. Simplot Company: Warisan Integriti yang Berterusan .....</b>	<b>4</b>
<b>Cara Kita Menunjukkan Semangat Inovasi Kita .....</b>	<b>6</b>
<b>Cara Kita Menghormati Sumber Kita .....</b>	<b>8</b>
<b>Cara Kita Menyatakan Kesungguhan Kita terhadap Warga.....</b>	<b>10</b>
<b>Cara Kita Menunjukkan Warisan Integriti Kita .....</b>	<b>14</b>
<b>Integriti dalam Tindakan Kita— Mengamalkan Tatakelakuan.....</b>	<b>17</b>
Perlindungan daripada Tindakan Balas. ....	17
Pengawasan Tatakelakuan dan Tindakan Pemulihan .....	17
Meminta Bantuan dan Menyuarkan Kebimbangan .....	18
Menegaskan Komitmen Kita terhadap Tatakelakuan .....	18

# Pesanan daripada Presiden dan CEO

Warisan integriti J.R. Simplot Company ialah asas kepada Tatakelakuan kita, yang dibina berdasarkan visi dan kepimpinan J.R. Simplot yang kukuh, yang bermula hampir 100 tahun yang lalu. Banyak perkara telah berubah di Simplot dengan berlalunya masa tetapi visi J.R. masih tetap sama: bekerja keras, menjadi rakan kongsi yang baik dan menganggap bumi sebagai sumber yang berharga untuk dihormati dan dilindungi setiap hari.

Tatakelakuan Simplot Company mengambil pendekatan Satu Simplot terhadap tanggungjawab etika dan undang-undang bagi semua pekerja Simplot di seluruh dunia. Tatakelakuan ini bertindak sebagai panduan ke arah nilai kita dan juga komitmen untuk mematuhi nilai ini.

Tatakelakuan ini terpakai kepada semua pekerja, pegawai dan pengarah J.R. Simplot Company dan anak syarikatnya. Setiap orang antara kita bertanggungjawab untuk membaca Tatakelakuan ini, memahami dan mengamalkan Tatakelakuan ini dengan konsisten. Tatakelakuan ini juga membantu kita membuat pilihan yang betul apabila peraturan yang terpakai tidak begitu jelas.

Kita menghendaki pemimpin kita untuk menjadi contoh sebenar tentang maksud beroperasi mengikut Tatakelakuan dan setiap orang yang menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat kita, termasuk ejen dan kontraktor mesti mematuhi prinsip Tatakelakuan ini.

Dengan mengendalikan diri kita mengikut Tatakelakuan ini, kita akan dapat menerapkan nilai teras kita ke dalam tindakan kita setiap hari. Bersama-sama kita akan dapat mengekalkan dan memastikan reputasi kita sebagai warga korporat yang baik.

Dengan hormatnya,



Garrett Lofto  
Presiden dan CEO

# Tatakelakuan J.R. Simplot Company: Warisan Integriti yang Berterusan

## Tujuan Kita

Menyumbang ke arah Pemberian  
Makanan kepada Dunia Kita

## Misi Kita

Menghidupkan Sumber Bumi

## Nilai Teras

Kesungguhan terhadap Warga | Semangat Inovasi | Rasa Hormat  
terhadap Sumber





# Cara Kita Menunjukkan **Semangat Inovasi Kita**



# Cara Kita Menunjukkan Semangat Inovasi Kita

## Kita Melihat Dari Sudut Pandangan Syarikat: Satu Simplot

Kita menyambut peluang baharu, mencipta dan menambah baik produk dan perkhidmatan dengan pemikiran baharu, dan kita melakukan semua ini daripada sudut pandangan Syarikat. Walaupun kita menghargai kepelbagaian pemikiran, pengalaman dan idea yang datang daripada operasi kita di seluruh dunia, dalam semua keputusan kita, kita mempertimbangkan "gambaran keseluruhan", yang menonjolkan kepentingan terbaik Simplot secara menyeluruh. Kita ialah Satu Simplot. Kita beraspirasi untuk mencapai standard tadbir urus korporat yang tinggi, yang bukan sahaja mematuhi undang-undang yang ketat tetapi juga menerapkan standard perniagaan yang beretika.

## Kita Memfokus Terhadap Penyediaan Produk dan Perkhidmatan Terbaik

Kita terus mencari inovasi untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan terbaik demi memenuhi keperluan dan cita rasa pengguna yang berubah-ubah. Kita terus mencari cara baharu dan cara yang lebih lestari untuk menanam dan menjaga tanaman, mengawasi pertumbuhan dan pembangunan haiwan dan membawa sumber mineral daripada bumi. Kita berusaha untuk mencapai tahap kecekapan yang tertinggi dalam pengeluaran makanan dan pertanian serta sains pengeluaran, di samping disiplin berkaitan yang meningkatkan nilai di seluruh perniagaan kita yang diajarkan secara menegak. Kita mengekalkan standard etika yang tinggi, dan produk dan perkhidmatan berkualiti kita adalah selamat untuk kegunaan yang dimaksudkan. Kita mereka bentuk, mengeluarkan dan mengedarkan produk dan perkhidmatan kita selaras dengan kewajipan kita kepada pelanggan kita dan menurut undang-undang, standard dan peraturan yang terpakai.

## Kita Melibatkan Diri dalam Penyelidikan Saintifik Beretika

Kita melibatkan diri dalam penyelidikan saintifik beretika manakala kita menerokai idea baharu dan membangunkan teknologi dan produk baharu. Untuk memastikan penyelidikan kita beretika, kita mengikuti protokol yang diluluskan dan kawalan yang betul, menggunakan tinjauan semula setara atau pengawasan jaminan kualiti, mengikuti kesesuaian. Data direkodkan dengan tepat, didokumenkan dengan betul dan boleh dihasilkan semula, lalu kita kenakan analisis statistik atau analisis data yang bersesuaian.

## Kita Mewujudkan, Menguatkuasakan dan Menghormati Hak Harta Intelektual

Inovasi kita dilindungi oleh hak Harta Intelektual (IP). Kita berusaha untuk mencipta aset IP yang bermakna yang menyediakan tujuan perniagaan, dan membantu untuk mempertahankan dan mengeksplorasi hak kita terhadap teknologi, jenama, hak media, pengetahuan dan maklumat proprietari yang unik kepada Syarikat. Aset IP termasuk paten, rahsia perdagangan, tanda dagangan, hak cipta, lesen dan hak untuk menghentikan orang lain daripada membuat, menggunakan atau menjual idea dan inovasi kita. Portfolio IP Syarikat dengan itu merupakan aset tak ketara yang bernilai tinggi kepada Syarikat. Kita juga menghormati hak harta intelektual dan maklumat sulit syarikat lain dan kita tidak akan secara sedar atau dengan rela melanggar, menyalahgunakan atau menggunakan IP pihak ketiga dengan cara yang tidak wajar.



Cara Kita Menghormati

# Sumber Kita



# Cara Kita Menghormati Sumber Kita

## Melihat dari Sudut Pandangan Jangka Panjang yang Lestari

Kita memilih untuk mewujudkan masa depan yang lestari dengan menghormati sumber, memupuk inovasi yang memanfaatkan sepenuhnya sesuatu sumber dan menghargai orang dalam komuniti tempat kita bekerja, yang dengan itu memberikan nilai ekonomi pada setiap langkah. Kita melibatkan diri secara aktif dengan pelanggan kita yang menghendaki kita untuk menyertai mereka menuju masa depan yang lestari.

Kita percaya bahawa Simplot boleh menjadi sumber pendidikan, inovasi dan kepimpinan yang mengilhamkan apabila kita menghidupkan sumber bumi secara lestari. Kita membawa ketangkasan perniagaan untuk bekerjasama dengan pelanggan korporat terbesar kita untuk menangani isu global. Sebagai contoh, kita merupakan pengasas bersama Inisiatif Kelestarian Kentang, ahli Meja Bulat untuk Kelestarian Daging Lembu dan Lapangan ke Pasaran, rakan kongsi Majlis Pengawasan Marin, pemimpin aktif dalam Program Pengawasan Zat Makanan 4R dengan Fertilizer Institute, selain menjadi peserta dalam sebilangan inisiatif industri yang lain untuk menggalakkan kerjasama prapersaingan tentang topik kelestarian untuk mencipta dunia yang lebih baik. Sambil kita mendapatkan sumber bahan mentah bagi produk kita, kita juga berusaha untuk bekerjasama di lapangan dengan satu-satu petani untuk menambah baik amalan dan tabiat tempatan.

## Melindungi Alam Sekitar Kita

Kita komited terhadap perlindungan alam sekitar melalui pengurusan sumber semula jadi yang bertanggungjawab. Kita menyokong kelestarian pertanian, perikanan, perlombongan dan pengeluaran untuk melindungi sumber untuk generasi yang akan datang. Dengan menjimatkan tenaga, memulih guna dan mengitar semula air serta memulihara habitat yang kritikal, kita bekerja di seluruh perniagaan kita untuk mengawasi sumber bumi dengan berhati-hati.

Kita komited untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan dengan perlindungan alam sekitar dan berusaha ke arah penambahbaikan berterusan. Kita terus mencari cara baharu untuk menambah baik produk, pembungkusan dan pengeluaran untuk mengurangkan impak kita terhadap alam sekitar. Kita juga komited untuk mengurangkan sisa, penggunaan tenaga dan air dalam seluruh operasi kita: mencari cara mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula.


Pembekal kita dikehendaki untuk melaksanakan pelan dan program alam sekitar yang memenuhi standard kita.

## Prihatin terhadap Kesejahteraan Haiwan

Di Simplot, kita melihat kesejahteraan haiwan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat dan sosial kita, yang menjangkau setiap aspek perniagaan dan penyumberan kita. Kita komited terhadap kesihatan haiwan yang baik, pengendalian yang wajar dan layanan yang berperikemanusiaan. Kita merupakan pengawas haiwan yang berada dalam jagaan kita. Hal ini merupakan unsur penting dalam penghasilan makanan yang bertanggungjawab dan sesuatu yang kita ambil berat.

## Menggalakkan Pengawasan Produk

Kita komited terhadap pengurusan produk yang bertanggungjawab dalam keseluruhan kitaran hayat produk tersebut. Kita menggalakkan pengawasan produk dengan menilai sama ada produk dan teknologi ini selamat dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Kita juga menerangkan dan menggalakkan penggunaan produk dan teknologi kita yang betul dan bertanggungjawab, sejajar dengan standard dan prinsip komuniti.



# Cara Kita Menunjukkan Kesungguhan Kita terhadap Warga



# Cara Kita Menyatakan Kesungguhan Kita terhadap Warga

## Mewujudkan Tempat Kerja yang Selamat dan Sihat

### Keselamatan di Tempat Kerja

Kita komited untuk menyediakan dan menyelenggara persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta kita bertekad untuk mencapai hasrat untuk mewujudkan tempat kerja yang bebas daripada kecederaan. Kita komited terhadap kesejahteraan dan keselamatan warga kita kerana kita tahu bahawa warga kita merupakan aset terbesar kita. Kita mempunyai rangka kerja keselamatan yang menyeluruh dan sentiasa berubah untuk mencapai penambahbaikan berterusan berkaitan keselamatan dan penjagaan keselamatan di seluruh tempat kerja kita.

Kita mengakui bahawa menjaga kesihatan dan keselamatan pekerja kita bukan sahaja bergantung pada kemudahan dan peralatan yang baik dari segi teknikal, tetapi juga pada pembentukan budaya yang memfokus pada keselamatan. Kita percaya bahawa kesihatan dan keselamatan ialah tanggungjawab utama setiap pekerja dan harapan kita adalah agar semua pekerja mengambil berat secara aktif terhadap keselamatan diri sendiri dan juga keselamatan orang lain. Pekerja kita mestilah sentiasa peka terhadap persekitaran mereka dan memahami peraturan dan prosedur khusus yang terpakai pada operasi mereka. Kita menganggap satu kecederaan pun sudah terlalu banyak, kerana akhirnya kita mahu semua orang pulang ke rumah kepada keluarga masing-masing dalam keadaan bebas daripada kecederaan pada penghujung hari.

Jika pekerja menghadapi situasi yang tidak dirasakan selamat atau percaya bahawa mereka telah diberikan tugas yang mereka tidak berkelayakan, tidak dilatih atau tidak berupaya untuk melakukannya dengan selamat, pekerja itu hendaklah berhenti daripada melakukannya dan bersuara. Seorang penyelia atau ahli pasukan Kesihatan, Keselamatan dan Penjagaan Keselamatan Persekitaran hendaklah dimaklumi dengan segera. Untuk maklumat lanjut, sila semak dasar Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran kita.

### Dadah dan Alkohol

Kita komited untuk melindungi keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan semua pekerja. Sebab itulah penting bahawa pertimbangan pekerja adalah jelas dan tidak terjejas oleh dadah atau alkohol. Pekerja Simplot tidak sepatutnya menjalankan kerja ketika berada di bawah pengaruh alkohol atau ubat yang tidak wajar kerana hal ini akan mewujudkan persekitaran kerja yang tidak selamat untuk setiap orang.

Alkohol boleh dihidangkan semasa acara Syarikat yang dibenarkan. Malah, dalam keadaan ini pun semua pekerja dikehendaki untuk mengamalkan kesederhanaan dan pertimbangan yang baik.

### Keganasan Di Tempat Kerja

Tempat kerja yang selamat dan terjamin adalah kritikal dan kita tidak akan bertolak ansur dengan tindakan dan ancaman keganasan di tempat kerja kerana hal ini memberikan kesan negatif kepada penjagaan keselamatan, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kita melarang apa-apa tindakan yang ganas atau agresif secara fizikal, walaupun tindakan itu dimaksudkan sebagai jenaka.

Jika anda atau seseorang yang anda kenali telah menerima ancaman keganasan atau menjadi mangsa tindakan ganas, anda bertanggungjawab untuk melaporkan situasi itu dengan serta-merta. Jika anda, rakan sekerja anda atau mana-mana individu lain yang menjalankan perniagaan dengan J.R. Simplot Company sedang menghadapi bahaya, hubungi pihak berkuasa tempatan, kemudian Keselamatan Global. Akhir sekali, buat susulan dengan pengurus anda atau sumber lain yang disenaraikan dalam Tatakelakuan ini.

## **Memastikan Layanan yang Adil**

Kita komited terhadap layanan yang adil terhadap semua pekerja. Setiap pekerja Simplot berhak untuk mendapatkan layanan yang sama rata dan dengan rasa hormat, bermaruah dan berbudi bahasa. Kita membuat semua keputusan penggajian kakitangan, termasuk pemilihan dan pengekalan berdasarkan keupayaan seseorang untuk menjalankan tugasnya dan menyumbang kepada perniagaan.

Simplot komited dalam menyediakan persekitaran yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan. Semua pekerja Simplot berhak datang ke tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi, gangguan, ancaman, ugutan dan keganasan tanpa mengira sifat atau puncanya.

Simplot melarang apa-apa bentuk gangguan, sama ada berdasarkan bangsa, warna kulit, asal etnik atau negara, umur, jantina, orientasi seksual yang sebenar atau disyaki, identiti jantina, agama atau anggapan hubungan agama, kelainan upaya atau ciri peribadi yang lain. Jika isu sedemikian timbul, pekerja hendaklah bersuara tanpa berasa takut akan tindakan balas.

Pekerja boleh menjangkakan bahawa apa-apa kejadian diskriminasi, gangguan, ancaman, ugutan atau keganasan akan tertakluk pada tindakan disiplin, hingga dan termasuk penamatkan pekerjaan atau malahan liabiliti sivil atau jenayah.

## **Standard Buruh Yang Adil**

Di Simplot, kita menyokong hak asasi manusia untuk semua orang dan kita berusaha untuk menghormati dan menggalakkan hak asasi manusia dengan menjalankan aktiviti kita mengikut prinsip yang dinyatakan dalam Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita melarang penggunaan semua bentuk buruh paksa, termasuk buruh hamba, buruh paksa, terikat, kuli kontrak atau buruh banduan bukan sukarela dan apa-apa bentuk pemerdagangan atau eksloitasi manusia, termasuk pengimportan barang yang dicemari oleh perhambaan atau pemerdagangan manusia. Kita melarang pengambilan pekerja kanak-kanak di bawah umur atau buruh paksa dan kita juga melarang hukuman fizikal atau penderaan. Dalam amalan penggajian kita, kita menghormati hak pekerja untuk bersekutu atau tidak bersekutu dengan mana-mana kumpulan, seperti yang dibenarkan oleh dan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kita mematuhi undang-undang pekerjaan di setiap lokasi pasaran tempat kita beroperasi.

## **Menghormati Perbezaan Kita**

Simplot menerima dan meraikan perbezaan dan menghargai kepelbagaiannya. Kita komited kepada peluang saksama untuk setiap orang, termasuk pekerja dan pemohon. Kita percaya bahawa pekerja kita di seluruh dunia layak untuk dilayan dengan adil, rasa hormat dan bermaruah. Kita menghormati sifat unik dan perspektif setiap pekerja kerana sebagai syarikat global, kita percaya bahawa memanfaatkan pelbagai idea, pengalaman dan latar belakang akan membina budaya yang inovatif dan dinamik, seterusnya membantu perhubungan kita dan memastikan kejayaan.

## **Menjaga Pelanggan dan Pengguna**

Kita berbangga dengan produk kita dan jenama kita menawarkan nilai dan kualiti kepada pelanggan dan pengguna. Kita komited terhadap kesihatan dan kesejahteraan pengguna kita dan kita menawarkan pelbagai pilihan produk untuk memenuhi keperluan dan keutamaan mereka yang pelbagai. Kita menyediakan maklumat pemakanan berdasarkan fakta untuk membolehkan pelanggan kita membuat pilihan diet yang termaklum untuk diri mereka dan keluarga mereka. Kita menerima secara serius cabaran untuk menggalakkan dan meningkatkan kesihatan pengguna melalui produk makanan yang kita tawarkan. Bagi produk seperti nutrien tanaman, sehingga makanan kesihatan haiwan, serta biji-bijian dan bekalan, misi kita adalah untuk menawarkan produk yang selamat, berkesan dan progresif yang dapat membekalkan makanan kepada dunia, pada hari ini dan esok.

## **Keselamatan Makanan**

Memastikan makanan yang kita hasilkan untuk pelanggan itu selamat adalah amat penting. Bukan sahaja keselamatan makanan menjadi sebahagian daripada tanggungjawab kita sebagai warga korporat yang baik, keselamatan makanan juga penting untuk pertumbuhan dan keuntungan berterusan perniagaan kita. Kita mengambil langkah kawalan yang ketat untuk memastikan standard keselamatan dan kualiti kita memenuhi atau melampaui keperluan kerajaan yang berkenaan dan kita menyokong langkah tambahan untuk membantu kita melindungi pengguna dan memastikan keselamatan bekalan makanan kita. Kita juga bekerjasama dengan para pembekal untuk memastikan ramuan dipantau, diuji dan dijejaki. Akhir sekali, setiap pekerja Simplot bertanggungjawab untuk mengikut semua dasar dan prosedur keselamatan dan kebersihan yang berkenaan.

## **Keselamatan Produk**


Simplot menggalakkan standard yang tertinggi dalam keselamatan produk. Pengguna mengharapkan produk yang dibeli oleh mereka adalah selamat dan kita tahu bahawa keselamatan produk juga amat penting kepada reputasi kita. Untuk mananamkan keyakinan kepada produk kita, kita memenuhi atau melampaui keperluan undang-undang yang dikenakan terhadap keselamatan produk kita. Mana-mana pekerja yang terlibat dalam pengurusan atau pengendalian bahan mentah, proses pengeluaran atau produk siap mesti mematuhi dasar Syarikat dan prosedur keselamatan produk untuk mengelakkan pencemaran, kemerosotan atau pengubahan bahan yang tidak wajar.

## **Menyumbang kepada Komuniti Kita**

Simplot komited untuk menyokong komuniti di tempat kita berada, melibatkan diri dalam program komuniti yang mewujudkan perubahan sebenar dan jangka masa panjang kepada individu, komuniti dan alam sekitar.

Walaupun inisiatif kita wujud dalam pelbagai bentuk, kesemuanya berkaitan dari segi: kita melabur dalam potensi yang kita lihat di sekeliling kita. Hal ini bermakna kita berusaha untuk memperkaya masyarakat secara menyeluruh melalui sokongan terhadap seni, perniagaan, pendidikan komuniti dan belia. Di samping kita membuat pelaburan kewangan dalam komuniti ini, kita juga berusaha untuk membuat pelaburan yang meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Inisiatif kita juga termasuk memperkasakan pekerja kita untuk mengamalkan gaya hidup sihat.



# Cara Kita Menunjukkan Warisan Integriti Kita



# Cara Kita Menunjukkan Warisan Integriti Kita

## Kita Mewujudkan dan Mengelakkan Rekod yang Tepat

Penyimpanan rekod dan pelaporan yang tepat adalah kritis terhadap reputasi dan kredibiliti Simplot. Semua pekerja mesti memastikan bahawa maklumat perniagaan yang direkodkan adalah jujur, tepat dan tepat pada masanya. Semua rekod kewangan mestilah menggambarkan transaksi Syarikat kita dengan tepat dan mematuhi standard perakaunan dan dasar kewangan yang telah dipersetujui secara umum. Kita melarang penggunaan dana dan transaksi yang tidak didedahkan. Semua rekod perniagaan dan dokumen mestilah betul, tepat dan lengkap, lalu disimpan mengikut dasar dan prosedur penyimpanan dokumen Simplot.

## Kita Bersaing Dengan Adil dan Mematuhi Undang-undang Perdagangan Antarabangsa

Sebagai Syarikat, kita bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang dan peraturan perdagangan di negara tempat kita menjalankan perniagaan. Kita akan bersaing dengan adil di semua pasaran tempat kita beroperasi selaras dengan undang-undang antitrust dan persaingan yang terpakai. Kita komited untuk mematuhi semua undang-undang perdagangan antarabangsa yang terpakai, termasuk peraturan kawalan import dan eksport, mematuhi undang-undang sekatan dan antiboikot.

## Kita Komited kepada Standard Pengiklanan dan Pemasaran yang Jujur

Kita percaya bahawa pengiklanan dan pemasaran yang bertanggungjawab membantu kita untuk memaklumi pelanggan dan pengguna tentang manfaat produk dan inovasi kita. Produk kita diiklankan dan dipasarkan dengan cara yang adil dengan berdasarkan fakta. Pekerja mestilah mematuhi dasar kita berkaitan dengan kelulusan pelabelan, pengiklanan, pembungkusan, panggilan balik dan prosedur yang berkaitan.

## Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan

Kita tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang menimbulkan atau kelihatan seperti menimbulkan konflik antara kepentingan peribadi kita dengan kepentingan Simplot. Kita tidak menerima ihsan perniagaan (seperti hadiah, pertolongan atau hiburan) yang bernilai lebih tinggi daripada yang boleh kita saling memberi secara wajar, atau yang mewajibkan atau kelihatan sebagai mewajibkan kita bertindak dengan cara yang bertentangan dengan Tatakelakuan kita atau undang-undang. Semua pekerja mesti mengelakkan aktiviti dan kepentingan peribadi yang boleh menimbulkan konflik dengan tanggungjawab terhadap Simplot yang diberikan kepada mereka. Pekerja mestilah tidak mendapatkan apa-apa keuntungan kewangan untuk diri mereka sendiri atau menyalahgunakan kedudukan yang mereka sandang.

Kita menghormati hak pekerja kita untuk terlibat dalam aktiviti politik pilihan mereka sendiri. Pekerja mestilah menjelaskan bahawa penglibatan mereka dalam aktiviti politik atau sivik itu berdasarkan pandangan dan tindakan peribadi mereka dan bukannya Syarikat.

## Kita Enggan Membuat Pembayaran yang Tidak Wajar

Simplot komited untuk mengekalkan standard etika yang tinggi semasa berurusan dengan penjawat awam, syarikat lain dan rakyat biasa. Simplot melarang semua bentuk amalan rasuah dan sogokan. Pekerja mestilah tidak berusaha untuk mempengaruhi orang lain, secara langsung atau tidak langsung, dengan menjanjikan atau membayar sogokan atau rasuah atau terlibat dalam apa-apa cara lain yang tidak beretika atau yang akan mencemarkan reputasi kita berkaitan integriti. Pekerja mestilah tidak menerima atau menawarkan apa-apa hadiah atau bayaran yang berbentuk, atau boleh dianggap sebagai, sogokan.

## **Kita Melindungi Aset Syarikat dan Kita Menggunakan Teknologi Komunikasi Elektronik dengan Penuh Tanggungjawab dan Secara Profesional**

Aset Simplot adalah kritikal terhadap daya saing dan kejayaan perniagaan kita. Aset kita disediakan kepada pekerja kita untuk menjalankan perniagaan syarikat dengan berkesan. Semua pekerja mestilah melindungi aset ini yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, wang tunai, peralatan fizikal di kemudahan pemprosesan dan pengeluaran kita, komputer, telefon mudah alih dan peralatan kerja peribadi. Kecurian, penipuan atau penyalahgunaan aset Syarikat oleh pekerja dilarang dengan sekeras-kerasnya. Teknologi Syarikat hanya boleh digunakan untuk aktiviti perniagaan yang sah oleh individu yang diberikan kuasa. Akses kepada, dan penggunaan, teknologi Syarikat mestilah dilakukan secara bertanggungjawab, profesional dan dengan mematuhi Tatakelakuan dan dasar Syarikat.

## **Kita Melindungi Maklumat dan Data Sulit**

Maklumat dan data syarikat adalah berharga kepada Simplot. Semua pekerja mestilah melindungi maklumat Syarikat yang tidak dimaksudkan untuk didedahkan kepada umum. Pekerja mestilah tidak mendedahkan maklumat sulit Syarikat, seperti aktiviti penyelidikan dan pembangunan, laporan jualan dan keuntungan, rancangan pemasaran, proses pengeluaran, kemungkinan pemerolehan atau pelaburan dan/atau harga yang dibayar untuk bekalan serta rahsia perdagangan yang lain. Semua pekerja hendaklah menghormati kerahsiaan dan privasi maklumat peribadi orang lain.

## **Kita Menghormati Privasi dan Data Pekerja**

Kita mengakui dan menghormati maklumat privasi peribadi pekerja, pelanggan, pembekal dan pihak lain yang berinteraksi dengan kita. Kita mengumpul dan memproses maklumat peribadi untuk tujuan perniagaan dan kita berbuat demikian dengan cara yang sah dan telus. Kita mengambil langkah yang sewajarnya untuk melindungi keselamatan rekod kita yang mengandungi maklumat peribadi dan memastikan rekod ini diselenggara dengan betul.

## **Kita Melibatkan Pembekal dan Rakan Kongsi Perniagaan yang Bersesuaian**

Kita percaya untuk menjalankan perniagaan dengan pembekal, kontraktor dan pelanggan yang mengamalkan standard tingkah laku perniagaan beretika yang tinggi sahaja. Kita menghendaki pembekal dan rakan kongsi perniagaan kita untuk berpegang teguh dengan semua undang-undang dan peraturan yang terpakai dan mematuhi prinsip Tatakelakuan kita. Kita tidak akan dengan sengaja menggunakan perkhidmatan pembekal yang melanggar undang-undang berkenaan penggajian, alam sekitar atau keselamatan. Kita tidak akan menjalankan perniagaan dengan mana-mana pembekal yang menggunakan kanak-kanak, banduan atau buruh paksa atau terlibat dalam apa-apa amalan pekerjaan tidak beretika yang lain. Selepas mempertimbangkan bidaan yang bersaing, kita akan membeli barang atau perkhidmatan berdasarkan nilai, kualiti, pematuhan kepada standard kita dan keupayaan pembekal untuk memenuhi keperluan kita. Perhubungan peribadi atau keluarga mestilah tidak mempengaruhi keputusan pekerja untuk memberikan kontrak kepada pembekal.



**Integriti dalam Tindakan Kita  
Mengamalkan Tatakelakuan**

Integriti dalam Tindakan Kita—

## Mengamalkan Tatakelakuan

Di Simplot, integriti itu wajib. Kita mempunyai komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap kejujuran, kualiti dan saling hormat menghormati. Kita akan berpegang pada kata-kata kita dan menyampaikan segala yang kita janjikan.

Simplot melarang semua bentuk aktiviti penipuan. Penipuan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tindakan yang tidak jujur atau memperdaya; penyelewengan; pemalsuan atau pengubahan instrumen boleh niaga atau dokumen; penyalahgunaan aset Syarikat, pekerja, pelanggan, rakan kongsi atau pembekal; penukaran apa-apa aset Syarikat kepada penggunaan peribadi; dan pemalsuan rekod Syarikat atau penyata kewangan.

Semua pekerja dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan Tatakelakuan yang terpakai di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan, tetapi jika undang-undang bercanggah dengan Tatakelakuan ini, kita akan mengikut undang-undang. Dasar unit korporat dan perniagaan mungkin terpakai dan menjadi tambahan kepada Tatakelakuan. Setiap pekerja bertanggungjawab untuk memahami undang-undang yang terpakai di tempat kita beroperasi dan membaca serta memahami Tatakelakuan kita.

Jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang kebolehgunaan mana-mana undang-undang, anda hendaklah menghubungi Jabatan Undang-undang. Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang cara menggunakan Tatakelakuan, gunakan sumber yang dinyatakan dalam Bahagian Tatakelakuan Meminta Bantuan dan Mengemukakan Kebimbangan.

### Pelaporan Mandatori tentang Pelanggaran Tatakelakuan yang Serius

Pekerja yang menghadapi situasi yang melibatkan keadaan kerja yang tidak selamat, kecurian, penyelewengan, penyalahgunaan, salah laku alam sekitar, sogokan, rasuah, gangguan yang menyalahi undang-undang, diskriminasi yang menyalahi undang-undang atau apa-apa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang atau apa-apa pelanggaran Tatakelakuan yang serius bertanggungjawab untuk bersuara dan melaporkan salah laku tersebut dengan segera. Laporan pekerja hendaklah dibuat mengikut panduan yang diberikan dalam Tatakelakuan ini.

### Perlindungan daripada Tindakan Balas

Simplot tidak akan mengambil tindakan terhadap pekerja kerana mengemukakan isu etika atau undang-undang dengan suci hati. Kita tidak bertolak ansur terhadap apa-apa tindakan balas oleh mana-mana individu terhadap pekerja kerana membangkitkan kebimbangan atau membuat laporan dengan suci hati.

Kita akan menyiasat semua kebimbangan yang dikemukakan mengikut fakta dan keadaan. Siasatan akan dirahsiakan sehingga hanya pihak yang mempunyai keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang akan terlibat. Semua laporan tentang salah laku mestilah dibuat dengan suci hati. Sebagaimana apa-apa salah laku yang lain, membuat laporan yang palsu atau mengelirukan dengan sengaja akan berakhir dengan tindakan disiplin, hingga dan termasuk penamatkan pekerjaan.

## Pengawasan Tatakelakuan dan Tindakan Pemulihan

Pematuhan Tatakelakuan ini merupakan unsur penting kejayaan perniagaan kita. Pegawai Etika dan Pematuhan Global akan mengawasi pentadbiran Tatakelakuan dan penyelesaian isu etika dan pematuhan yang dibangkitkan oleh pekerja bersama-sama dengan pihak Undang-undang, Sumber Manusia, Perkhidmatan Global dan unit perniagaan yang terkesan.

## Meminta Bantuan dan Menyuarakan Kebimbangan

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang Tatakelakuan ini, anda sepatutnya berbincang dengan pasukan pengurusan anda atau salah satu sumber yang tersenarai di bawah. Jika anda menghadapi situasi atau isu yang merupakan atau mungkin merupakan pelanggaran Tatakelakuan, anda mestilah mengambil langkah yang bersesuaian untuk menangani isu itu.

Panduan dan sokongan boleh didapati daripada beberapa sumber berlainan:

- Pasukan Pengurusan Anda. Anda boleh mengajukan soalan atau kebimbangan anda kepada Pengurus anda atau jika anda tidak yakin pengurus anda telah mengambil tindakan yang sewajarnya, anda juga boleh pergi kepada ahli pasukan pengurusan yang lain.
- Sumber Manusia. Anda boleh bercakap secara langsung dan jujur dengan pengurus Sumber Manusia anda jika anda tidak jelas tentang tindakan terbaik dalam apa-apa situasi yang berlaku.
- Jabatan Undang-undang. Anda boleh mendapatkan panduan dan nasihat daripada mana-mana ahli Jabatan Undang-undang atau Penasihat Umum kita.
- Talian Penting Pekerja Simplot. Anda boleh melaporkan pelanggaran standard yang dinyatakan dalam Tatakelakuan atau apa-apa kebimbangan serius lain secara tanpa nama, melalui Talian Penting Pelaporan Pekerja, yang tersedia melalui Internet di [employeereportinghotline.simplot.com](http://employeereportinghotline.simplot.com).

## Menegaskan Komitmen Kita terhadap Tatakelakuan

Walaupun banyak faktor telah menyumbang kepada kejayaan Simplot, asas utamanya ialah gabungan kepimpinan teguh J.R. Simplot dan kesungguhannya terhadap kesejahteraan pekerja dan kepuasan profesional mereka. Persilangan kepimpinan dan pencapaian profesional ialah rasa hormat: apabila kita mengikut nilai Teras kita dan menghormati satu sama lain dan sumber bumi, pendekatan beretika akan mengikut dengan sendirinya.

Sementara kita berjanji untuk memastikan kebertanggungjawaban antara satu sama lain melalui perbualan dan tindakan yang penuh hormat, kita juga akan mendukung nilai dan etika Satu Simplot. Sebagai sebahagian usaha memastikan Tatakelakuan dan komitmen ini difahami dan dipatuhi di seluruh dunia, Syarikat akan menjalankan aktiviti untuk memastikan Tatakelakuan disemak, difahami dan dipersetujui oleh semua pekerja dan/atau pihak ketiga yang berkenaan.

